

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENA – PAS ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 41)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kriteria pemilihan Syarikat MMN Bina Sdn. Bhd. untuk membina projek Akademik Bola Sepak Mokhtar Dahari, Gambang yang diberikan secara runding terus (reka & bina).

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat MMN Bina Sdn Bhd telah dipilih untuk pembinaan Akademi Bola Sepak Fasa 2 di Gambang secara rundingan terus reka dan bina berdasarkan 5 kriteria utama syarikat ini iaitu:-

- i. Syarikat seratus peratus Bumiputera;
- ii. Syarikat ini telah memberi komitmen yang tinggi dan dapat menyiapkan projek menepati kehendak Kementerian;
- iii. Keupayaan kewangan yang kukuh;
- iv. Keupayaan aset dan jentera pembinaan yang mencukupi;
- v. Rekod pengalaman pembinaan yang baik termasuk dalam pembinaan padang bola sepak berkualiti tinggi.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN  
RAMLI [ PANDAN ] [ PKR]**

**TARIKH : 30 NOV 2015, ISNIN**

**SOALAN : 42**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan senaraikan peruntukan tahunan oleh MARA mengikut kategori biasiswa pendidikan dan pinjaman pendidikan (pecahan ikut dalam dan luar negara) bagi setiap peringkat pengajian dan kursus dari 2010 hingga 2015.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, MARA hanya menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran secara boleh ubah bagi pelajar yang layak melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara.

Purata peruntukan tahunan bagi pinjaman pelajaran secara boleh ubah ialah kira-kira RM2 bilion setahun. Sejak tahun 2010 sehingga September 2015, MARA telah menaja seramai 125,796 pelajar untuk pengajian di dalam negara dan 15,076 pelajar untuk pengajian di luar negara, dalam pelbagai bidang mengikut peringkat diploma, ijazah pertama, sarjana, kedoktoran dan profesional.